Lega masa depan anak istimewa dijaga dengan skim SNTC

Skim pastikan penjagaan jangka panjang bagi anggota keluarga berkeperluan khas

LEGA DAN SYUKUR: Encik Buang Ahmad Bakri, 70 tahun (tengah) dan isteri, Cik Noorhayah Mohd Arifin, 65 tahun (kanan) lega setelah menyertai Skim Dana Amanah Keperluan Khas untuk anak-anak mereka Encik Mohamed Hafiz Buang, 42 tahun (kiri), dan Encik Abdul Kadir Buang, 44 tahun (kiri dan kanan), yang kurang upaya intelek. – Foto Hi oleh KHIR ID DAZA

▶ HUI SYUHRAH HASSAN
mustahi@sph.com.sg

WALAUPUN mempunyai dua anak berkeperluan khas, Encik Buang Ahmad, 70 tahun dan isterinya, Cik Noorhayah Mohd Arifin, 65 tahun, tidak mersa begitu terbeban karena mereka menyayangi mereka, apatah lagi anak-anak yang sudah dewasa itu berkelakuan baik.

Anak-anak mereka, Encik Mohamed Hafiz Buang, 42 tahun, dan Encik Abdul Kadir Buang, 44 tahun tidak dikesan mengalami daya intelek rendah semasa di sekolah rendah, isteriku telah dipindahkan ke sekolah yang dikendalikan Pertubuhan Colongan Kareng Daya Intelek Singapura (Mindd).

Natijah Encik Buang, yang kini tidak bekerja kerana mengidap glaukoma, ditambah pula dengan kendaraan usia yang semakin lanjut, mereka dasibebagi pemasan bimbang apabila mengenangkan bagaimana nasib anak-anak itu seandainya apa mengenjap bumi dan orang lebih awal.

"Saya dan isteri sudah tua, dan lagi bimbang akan nasib depan kesihatan anak kami. Siapa yang akan jaga mereka seandainya kami tak ada lagi nanti," kata Encik Buang ketika dimui *Berita Harian*.

Mujur mereka kini menyertai Skim Dana Amanah Keperluan Khas Muis yang memastikan khidmat kepada keluarga yang ingin memastikan kesejahteraan dan penjagaan jangka panjang anggota keluarga mereka yang berkeperluan khas, terutama bagi keluarga berpendapatan sederhana atau rendah.

Di bawah skim tersebut, yang diadakan dengan bantuan Amanah Keperluan Khas (SNTC), Muis menaja wang permulaan minimum $5,000 yang diperlukan dan mentadbirkan sebanyak $5,000 jumlah yang dimendakan ke akaun itu oleh keluarga, sembahan jumlah kesimpulan sebanyak $10,000.

Skim itu telah wujud sejak Februari 2019, dengan Muis menyumbangkan $1 juta untuk diserahkan kepada SNTC – suto-amanah syarikat amanah tanpa matlab untuk Singapura yang mempunyai status pembubuhan amal – untuk membantu sekitar 100 keluarga berkeperluan khas memasukkan akun tersebut.

Sebagian mendapat lebih tentang skim itu yang boleh membantu anak-anakmu di masa depan, Encik Buang berkata beliau tidak berlengah untuk membuka akaun bagi kedua-dua anaknya.

"Saya sangat berterima kasih atas bantuan SNTC dan Muis kerana dapat menolong dan meringankan kesusahan kami berdua dari segi kewangan.

"Dengan pembukaan akaun ini, saya lebih anak-anak saya akan terjaga dari segi kewangan kerana SNTC akan menguruskan kos perbelanjaan dan keperluan penjagaan bulanan anak-anak saya semasa saya dan isteri sudah tiada," ujar Encik Buang.

Bagi Cik Noorhayah, mengetahui kedudukan kewangan anak-anak mereka terjaga, sangat melegakan dan meringankan beban minda dan jiwa.

"Anak-anak kami berkelakuan baik. Semua dengan cukup, saka mereka hanya dan orang cukup, mereka hanyalah dalam keadaan gembira.

"Hubungan kami sangat rapat. Sebab itu, saya benar-benar berharap, seandainya saya dan suami tak ada lagi, jagalah adiku abang dan adik dengan baik."

"Saya pernah diberitahu, hidup saya susah sebab kena jaga dua orang anak istimewa yang kurang daya intelek. Saya kuatkan semangat dan sentiasa mengingatkan diri, ada ibu bapa lain yang lebih susah daripada saya," tambah beliau.

Cik Noorhayah turut menggalakkan ahli keluarga yang mengalami situasi serupa dapat mengambil kesempatan peruntukan skim bantuan itu untuk meringankan beban.

"Apa yang penting sekarang, sebagai ibu bapa, kita perlu merancang untuk masa depan anak-anak. Lebih-lebih lagi yang berkeperluan khas," tambah beliau.

Antara kriteria kelayakan yang ditetapkan bagi bantuan Muis adalah individu berkeperluan khas perlu berusia tiga tahun dan merupakan warga Singapura atau penduduk tetap, dengan pendapatan keluarga tidak melebihi $8,000 setahun dan pendapatan per kapita tidak melebihi $2,000 setahun.

Skim itu ditawarkan sehingga 31 Disember 2021 dan turut ditawarkan kepada pelanggan Muslim selain ada SNTC yang lebih berbezakan kriteria yang ditetapkan.

Mereka yang berminat menyertai skim ini boleh menghubungi SNTC di talian 6278 9598 untuk mengatur sesi jaja temu.

Maklumat lanjut boleh didapatkan di laman Muis di www.muis.gov.sg dan laman SNTC di www.sntc.org.sg.

CARA SERTAI SKIM DANA AMANAH KEPERLUAN KHAS MUIS

1) Hubungi Syarikat Amanah Keperluan Khas (SNTC) untuk mengatur janji temu dengan Pengurus Kes. Hubungi talian 6278-9598.

2) Ibu bapa/penjaga individu berkeperluan khas harus menjunjungi SNTC.

3) SNTC akan mengendalikan penilaian keperluan menyeluruh, mengenal pasti kelayakan skim tersebut dan membantuk Rancangan Penjagaan.

4) Apabila permohonan diluluskan, Muis akan menggaghkan $5,000 bagi setiap akaun dana amanah yang dibuka.

5) Ibu bapa/penjaga menyurtik aset sendiri ke dalam akaun dana amanah tersebut.

6) Muis akan memadankan jumlah yang disuntik sehingga $5,000 bagi setiap akaun berdasarkan jumlah yang disalurkan.

KRITERIA KELAYAKAN:

1) Individu yang bakal merah manfaat daripada dana amanah itu menepati definisi SNTC berkatan "individu berkeperluan khas" sepertimana diluluskan oleh Pejabat Pemegang Amanah Awam (PTO) Singapura.

2) Pendapatan keluarga tidak boleh melebihi $8,000 dengan pendapatan per kapita tidak melebihi $2,000.

3) Ibu bapa/penjaga yang akan menyalurkan aset ke akaun tersebut berusia 21 tahun ke atas dan tidak muflis.

4) Penerima manfaat dana amanah beragama Islam.

5) Penerima manfaat dana amanah adalah warga Singapura atau penduduk tetap di Singapura.

"Saya sangat berterima kasih atas bantuan SNTC dan Muis kerana dapat menolong dan meringankan kesusahan kami berdua dari segi kewangan. Dengan pembukaan akaun ini, saya lahu anak-anak saya akan terjaga dari segi kewangan kerana SNTC akan menguruskan kos perbelanjaan dan keperluan penjagaan bulanan anak-anak saya semasa saya dan isteri sudah tiada."

– Encik Buang Ahmad.

"Saya pernah diberitahu, hidup saya susah sebab kena jaga dua orang anak istimewa yang kurang daya intelek. Saya kuatkan semangat dan sentiasa mengingatkan diri, ada ibu bapa lain yang lebih susah daripada saya. Apa yang penting sekarang, sebagai ibu bapa, kita perlu merancang untuk masa depan anak-anak. Lebih-lebih lagi yang berkeperluan khas"

– Cik Noorhayah Mohd Arifin.